

17 MAR 2000

Jamil-kajian

KAJIAN UNTUK PASTIKAN NEGERI CUKUP TENAGA POLIS

KUCHING, 17 Mac (Bernama) -- Polis Diraja Malaysia sedang membuat kajian bagi memastikan anggotanya diagihkan dengan betul mengikut keperluan negeri dan daerah, kata Timbalan Ketua Polis Negara Datuk Mohd Jamil Johari.

"Kita kekurangan anggota bukan saja di Sarawak tetapi seluruh negara dan oleh itu kita buat kajian bagi memastikan anggota kita diagihkan dengan betul," katanya kepada pemberita di sini.

Jamil berada di Sarawak untuk lawatan rasmi dan hari ini beliau mendengar taklimat mengenai keselamatan di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sarawak.

Beliau berkata bagi mengatasi masalah kekurangan anggota, PDRM mungkin memindahkan anggotanya dari kawasan yang memerlukan kurang anggota ke kawasan yang padat penduduk dan pesat membangun.

Katanya satu lagi cara ialah mengurangkan anggota berpakaian seragam bertugas di pejabat sebaliknya mengarahkan mereka turun ke padang menjalankan tugas di luar.

"Polis tetap bertekad untuk mengekalkan keamanan negara dan memastikan pembangunan yang pesat sekarang dapat dinikmati oleh rakyat dalam suasana aman dan harmoni," katanya.

Ditanya mengenai kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa terdapat kakitangan bank mendedahkan rahsia pelanggan individu dan kerajaan, Jamil berkata beliau belum mendapat maklumat mengenai perkara itu.

"Saya belum dapat cukup maklumat. Oleh itu saya tidak mahu membuat sebarang komen mengenai hal ini," katanya.

-- BERNAMA

MT MAI